

31 OCT 1996

PULAU PINANG SIAP SIAGA UNTUK BERPERANAN SEBAGAI PUSAT TEKNOLOGI

YOKOHAMA, 31 Okt (Bernama) -- Pulau Pinang kini siap siaga untuk memainkan peranan penting sebagai pusat untuk teknologi, latihan, telekomunikasi dan pengangkutan selain pembuatan, dagangan dan pelancongan.

"Mutiara Timur" itu sedang mempersiapkan diri untuk memikat perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana Jepun supaya melabur di negeri itu bagi memperkukuhkan asas industri dan teknologi tinggi.

"Banyak syarikat Pulau Pinang kini bersiap sedia untuk mengadakan pakatan strategik dengan syarikat asing, bukan sahaja untuk membekalkan kepada perbadanan-perbadanan pelbagai negara yang besar di Pulau Pinang dan Malaysia, tetapi untuk menerokai ke dalam pasaran Asean dan dunia," kata ketua menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis perasmian seminar pelaburan dan dagangan di sini, hari ini.

Panel penceramah pada seminar itu termasuk pengerusi Tongkah Holdings Berhad Mokhzani Mahathir dan Hitoshi Ishimori, pengarah urusan Hitachi Semiconductor (M) Sdn Bhd.

Yang turut hadir pada seminar itu ialah rombongan perniagaan kira-kira 50 orang dari Pulau Pinang yang, antara lain, terlibat dalam sektor pembuatan, dagangan dan pelancongan.

Dr Koh berkata Pulau Pinang ingin mempelawa pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana Jepun melabur di negeri itu sama ada secara bersendirian atau berasaskan usaha sama dengan rakan niaga di Malaysia untuk membekal alat dan komponen kepada perbadanan pelbagai negara dan untuk membuat keluaran siap untuk dieksport.

"Pulau Pinang, dan Malaysia pada keseluruhannya, mempunyai banyak untuk ditawarkan kepada pelabur Jepun, seperti galakan-galakan yang menarik, prasarana yang baik dan penduduk yang kuat bekerja," katanya.

"Pada masa ini, terdapat kira-kira 64 syarikat Jepun yang telah menjadi rakan dalam kemajuan Pulau Pinang. Antaranya ialah Hitachi, Sony, Toray, Toshiba, Kanebo, Sanyo dan Nikko. Syarikat-syarikat Jepun itu mewujudkan kira-kira 40,000 pekerjaan," kata Dr Koh.

Pencapaian ekonomi Pulau Pinang telah begitu rancak dengan mencatatkan purata kadar pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar sebanyak 12 peratus setahun dalam enam tahun lalu, berbanding dengan kadar pertumbuhan kebangsaan sebanyak 9.0 peratus setahun.

Seorang peserta seminar, pengarah eksekutif Popular Profile Sdn Bhd, Azman Kassim berkata beliau berharap untuk mendapatkan rakan usaha sama baru dan memperolehi kontrak jualan baru di Jepun.

Kegiatan perniagaan teras Popular Profile termasuk pembuatan komponen untuk komputer dan kamera dan dua pelanggan utamanya ialah Hitachi dan Canon.

Azman berkata syarikatnya berharap untuk mencapai pusingan jualan sebanyak RM30 juta hingga RM40 juta dalam 1997, dan menambah kata bahawa "hubungan kami dengan dua syarikat Jepun itu adalah rapat. Mereka menawarkan sokongan teknologi dan teknikal untuk membantu kami mengeluarkan berbagai komponen." -- BERNAMA

JSM SIA